

Mahathir: Jangan besar2kan inflasi...

KUALA LUMPUR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan media tempatan jangan menyemarakkan lagi kadar inflasi yang ada sekarang.

Bercakap pada pemberita selepas mengunjungi pameran barang dagangan "Fiestasean '80" di Cangkat Pavilion di sini hari ini beliau berkata:

"Jika pihak akhbar terus mempunyai mentaliti inflasi, sudah tentu orang ramal akan terus bercakap mengenai inflasi dan ini tidak akan m e m b a n t u mengekangnya."

Beliau seterusnya menasihatkan pihak media supaya

mengurangkan spekulasi mengenai barang-barang perlu.

Mengenai operasi menghapuskan kegiatan Jualan Murah palsu Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, Kerajaan tidak bertujuan mengharamkan kempen jualan murah.

"Kita bukan bertujuan mengharamkan kempen jualan murah. Tetapi jika ada pekedal yang menjual murah dengan harga yang lebih tinggi dari biasa, sudah tentu ini merupakan satu perkara yang tidak adil kepada pengguna.

"Sekiranya sesebuah gedung itu melancarkan kempen jual murah, sudah sewajarnya mereka menjualnya dengan harga yang murah. Jika tidak Kerajaan akan mengambil tindakan," tegasnya.

Selain itu beliau juga memberitahu Jawatankuasa bagi Barang-barang Perlu telah mengilapkan ukuran balang-gas masak yang dikeluarkan oleh semua pengeluar gas itu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia